

BPMP SANASINI

EDISI JUN 2021



TAKLIMAT OACP, CRM DAN SEK. 17A ASPRM 2009

10 JUN 2021, telah berlangsung Taklimat Pelaksanaan Inisiatif Antirasuah: Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) (Sesi 1) serta Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Sesi 2).

Taklimat sesi 1: Pelan antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) telah disampaikan oleh PsK Mohd Shah Azlan bin Mohd Hisam manakala bagi sesi 2: Seksyen 17A Akta SPRM 2009 telah disampaikan oleh PKPj Mohamad Khairol bin Mohamad. Seramai 58 peserta telah menghadiri taklimat ini bagi setiap sesi 1 dan sesi 2 yang melibatkan pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan, badan berkanun serta

syarikat dan pegawai-pegawai dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM. Taklimat yang diadakan adalah bertujuan untuk memberi pengenalan dan kefahaman kepada peserta berkaitan dengan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) serta Seksyen 17A Akta SPRM 2009.



01



KHIDMAT NASIHAT TEKUN NASIONAL

21 Jun 2021 Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan SPRM telah diadakan Sesi Pra Khidmat Nasihat terhadap amalan, sistem dan tatacara berhubung perlantikan perjawatan di Tekun Nasional. Sesi ini dihadiri pegawai-pegawai kanan Tekun yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Korporat dan SPRM diwakili oleh Tuan Mohd Hasraff dan Tuan Anis Redza dari Bahagian Pemeriksaan Dan Perundingan.

TAKLIMAT BPMP & CACCC, MACA

28 Jun 2021, Isnin, 9.00 pagi – hingga 4.30 petang - Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) dengan kerjasama pihak CACCC, MACA telah mengadakan Taklimat Pemakaian Dan Pengemaskinian Borang Dalam Pengendalian Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi menggunakan platform aplikasi zoom. Tujuan taklimat diadakan adalah bagi meningkatkan kefahaman serta kompetensi pegawai-pegawai SPRM yang telah dilantik menjadi penceramah dan fasilitator bertauliah untuk mengendalikan Bengkel Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) pada masa akan datang.

Taklimat ini telah diadakan dalam dua (2) sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Taklimat berhubung pengendalian bengkel OACP telah disampaikan oleh PsK Shani bin Mandu. Manakala taklimat berhubung pemakaian dan pengemaskinian borang dalam pengendalian bengkel OACP telah disampaikan oleh PPj Sarimah binti Sulaiman. Seramai 154 orang pegawai telah terlibat, terdiri dari Bahagian Ibu pejabat dan SPRM Negeri.


02



03



LENSA BPMP JUN 2021



01. Bengkel OACP Program Pegawai Integriti Bertauliah Sektor Swasta Siri 7 Bil 1/2021.

02. Bengkel TOT Pembangunan OACP 14-17 Jun 2021.

03. Bengkel TOT Pembangunan OACP 14-17 Jun 2021.

04. Ceramah Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Program Pegawai Integriti Bertauliah Siri 7 Bil 1/2021 (Syarikat Swasta) 16 &17 Jun 2021.

05. Ceramah Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Program Pegawai Integriti Bertauliah Siri 7 Bil 1/2021 (Syarikat Swasta) 16 &17 Jun 2021.

06. Ceramah Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Program Pegawai Integriti Bertauliah Siri 7 Bil 1/2021 (Syarikat Swasta) 16 &17 Jun 2021.